

# Mohamed dilantik Pengerusi MAINS

**SEREMBAN 25 Jun** - Ahli Lembaga Fatwa kerajaan negeri, Datuk Mohamed Husein, 74, dilantik sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang baharu berkuat kuasa 11 Jun lalu.

Beliau yang merupakan Ahli Majlis MAINS dan lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir serta Muslim College, United Kingdom menggantikan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Sementara itu Ahli Majlis MAINS, Datuk Dr. Abd. Aziz Sheikh Kadir dilantik Timbalan Pengerusi MAINS.

Menteri Besar, Aminuddin Harun ketika mengumumkan perkara itu berkata, pelantikan tersebut telah diperkenankan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

"Semua pentadbiran MAINS akan dipimpin oleh pengerusi yang baharu bagi tempoh tiga tahun iaitu dari 2018 sehingga 2021," katanya dalam sidang akhbar di Menara MAINS di sini.

Yang turut hadir Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dr. Razali Ab. Malik dan Setiausaha MAINS, Datuk Kamal Amran Kamarudin.

Ditanya amalan sebelum ini melantik Menteri Besar sebagai Pengerusi MAINS, Aminuddin berkata, enakmen mengenai perkara itu telah digubal pada tahun 2012 dan ia merupakan hak Tuanku Muhriz untuk membuat lantikan.

"Sebelum ini secara automatik menteri besar menjadi pengerusi, tetapi ia telah dipinda dan kali ini ada perubahan yang kita harus sama-sama rai-kan. Kita harap agar MAINS terus bergerak ke hadapan.

"Kita masih ada bekerjasama kerana dalam jawatankuasa kerajaan negeri diwakili oleh SUK dan Pegawai Kewangan untuk sama-sama menggerakkan MAINS," jelasnya.

Dalam sidang akhbar itu, Aminuddin turut mengumumkan pemberian bantuan hari raya sebanyak RM500 kepada 1,374 guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang akan dibuat selepas sambutan Aidilfitri.



**AMINUDDIN HARUN** (dua dari kiri) bersalaman dengan Mohamed Husein selepas sidang akhbar mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan di Menara MAINS, Seremban, baru-baru ini.